



## KEMENTERIAN KEWANGAN

### SOALAN LAZIM

#### PELAKSANAAN BANTUAN *ONE-OFF* BAGI PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN)

1. Berapakah nilai Bantuan Pelajar *One-Off* ini

Setiap pelajar yang layak akan menerima bantuan *one-off* berjumlah **RM200**.

2. Siapakah yang layak menerima Bantuan *One-Off* ?

Pelajar-pelajar yang memenuhi semua kriteria berikut layak menerima Bantuan *One-Off* :

- I. Warganegara Malaysia; dan
- II. Berstatus aktif sebagai pelajar sepenuh masa pada **31 Mac 2020** di institusi pendidikan di Malaysia seperti berikut:
  - Pelajar IPT di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kementerian yang berkaitan di pelbagai peringkat pengajian tinggi termasuk Kolej Komuniti, Politeknik, Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS);
  - Pelajar institusi pendidikan yang setara dengan Tingkatan 6, Senior Middle 3, Sijil Tinggi Agama (STAM), Diploma Kolej Vokasional, Diploma dan setara institusi TVET, Matrikulasi, Pengajian Asas (Foundation), Asasi, A-Level, International Baccalaureate Diploma, Australian Matriculation (AUSMAT) Diploma, Diploma Lanjutan, Sarjana Muda dan setaraf, Sarjana dan setaraf, Doktor Falsafah dan setaraf, serta kursus bertaraf diploma dan ke atas yang diiktiraf oleh Kerajaan atau badan-badan profesional di Malaysia;

- Pelajar IPT di bawah seliaan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi atau IPT yang telah berdaftar di bawah akta-akta yang berkuatkuasa.
- Pelajar IPT diploma atau setara termasuk pelajar sepenuh masa SKM4 dan ke atas di institusi di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar/ MARA

**3. Berapa ramaikah penerima bantuan ini?**

Adalah dianggarkan 1.5 juta pelajar akan mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Kementerian Penyeliaan	Kategori Pelajar	Anggaran Pelajar Layak Menerima
KPT	<ul style="list-style-type: none"> <li>• IPTA, Politeknik, Kolej Komuniti, IPTS</li> </ul>	1.2 juta
KPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tingkatan Enam &amp; Matrikulasi</li> </ul>	0.1 juta
Pelbagai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar diploma atau setara termasuk TVET SKM4 dan ke atas</li> </ul>	0.2 juta
	<b>JUMLAH</b>	<b>1.5 juta</b>

**4. Adakah bantuan ini turut diberikan kepada pelajar Malaysia yang berada di Luar Negara?**

Tidak, bantuan ini adalah untuk pelajar yang menuntut di Malaysia sahaja (merujuk perkara no.2).

**5. Bolehkah pelajar menyemak status kelayakan masing-masing?**

Kesemua pelajar boleh menyemak status kelayakan masing-masing melalui pegawai di Bahagian Kemasukan Hal Ehwal Akademik / Unit Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di IPT masing-masing.

**6. Apakah yang harus dibuat oleh pelajar sekiranya pelajar berpendapat ia memenuhi kriteria kelayakan menerima Bantuan *One-Off* .**

Pelajar diminta menghubungi Bahagian Kemasukan Hal Ehwal Akademik / Unit Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di institusi masing-masing untuk mengemaskini dokumen / maklumat-maklumat berikut :

- i. Salinan kad pengenalan
- ii. Nombor akaun bank dan nama bank
- iii. Salinan penyata / buku bank (muka surat yang mempunyai nombor akaun bank); dan
- iv. Nombor telefon bimbit / emel

**7. Bagaimanakah bantuan tersebut akan disalurkan kepada pelajar?**

Bantuan akan disalurkan kepada pelajar yang layak melalui akaun bank masing-masing (sekiranya memenuhi syarat-syarat di perkara no.2 di atas) mulai hujung **bulan April 2020** oleh institusi masing-masing. Semakan boleh dibuat di Bahagian Kemasukan Hal Ehwal Akademik / Unit Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di Institusi masing-masing.

**8. Bagaimana sekiranya pelajar tidak mempunyai bank akaun?**

Bantuan akan disalurkan ke akaun bank milik pelajar sahaja. Pelajar perlu membuka akaun bank sekiranya masih belum mempunyai akaun bank sendiri.

**9. Jika terdapat keciciran nama penerima bantuan *One-Off*, apakah tindakan yang perlu diambil oleh pelajar tersebut?**

Pelajar boleh menghubungi Pegawai Penyelaras di Bahagian Kemasukan Hal Ehwal Akademik / Unit Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di institusi masing-masing.

**10. Adakah pelajar yang telah berhenti atau tangguh pengajian sebelum atau dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) layak menerima bantuan ini?**

Hanya pelajar yang berstatus aktif sehingga 31 Mac 2020 sahaja yang layak menerima bantuan ini.

**11. Adakah pelajar yang sedang menjalani latihan industri dan *work-based learning* layak menerima bantuan ini?**

Ya, pelajar tersebut layak menerima bantuan ini.

**12. Adakah pelajar semester akhir dan akan tamat pengajian pada bulan Mei 2020 layak menerima bantuan ini?**

Layak. Pernyataan ini merujuk kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian dan berstatus aktif di **IPT masing-masing pada 31 Mac 2020**.

- 13. Sekiranya pelajar sedang menjalani latihan industri dan *work-based learning*, bagaimanakah caranya untuk mendapatkan bantuan ini?**

Pelajar boleh menghubungi Bahagian Kemasukan Hal Ehwal Akademik / Unit Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di institusi masing-masing untuk mendapatkan maklumat lanjut.

- 14. Adakah pelajar yang telah tamat pengajian sebelum 31 Mac 2020 layak menerima bantuan ini?**

Tidak. Ini kerana pelajar tidak lagi berstatus aktif di institusi masing-masing.

- 15. Bolehkah bantuan disalurkan melalui akaun ibu, ayah atau saudara mara?**

Tidak. Pelajar **MESTI** mempunyai akaun bank sendiri.

- 16. Bolehkah pelajar membuka akaun di mana-mana bank?**

Ya, pelajar boleh membuka akaun di mana-mana bank tempatan. Mana-mana akaun yang dibuka dengan bank tempatan sama ada konvensional atau Islamik, boleh diterima. Akaun Tabung Haji dan akaun Amanah Saham tidak diizinkan untuk penggunaan bantuan *one-off* ini.

- 17. Sekiranya terdapat kemusykilan berhubung bantuan ini, siapakah pegawai yang boleh dirujuk?**

Pelajar boleh menghubungi Pegawai Penyelaras di Bahagian Kemasukan Hal Ehwal Akademik / Unit Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di institusi masing-masing.

### 18. Bagaimana boleh hubungi Kementerian/ IPT seliaan?

Pelajar IPT digalakkan menghubungi terus Pegawai Penyelaras di Bahagian Kemasukan Hal Ehwal Akademik / Unit Hal Ehwal Pelajar / Unit Pembangunan Pelajar di institusi masing-masing berkenaan pembayaran RM200 *one-off* ini. Sekiranya terdapat sebarang soalan lanjut, Kementerian dan Agensi seliaan bertanggungjawab boleh dihubungi seperti berikut:

Kementerian	Kategori Pelajar	Nombor untuk dihubungi
Kementerian Pengajian Tinggi	Pelajar IPTA/ IPTS	03 – 8870 6777 03 – 8870 6949 03 – 8870 6628 03 – 8870 6623 03 – 8870 6124
Kementerian Pendidikan Malaysia	Pelajar Matrikulasi, Tingkatan 6 dan setaraf	03 – 8884 9383 03 – 8888 6749 03 – 8884 9325 03 – 8884 9401
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Pelajar MARA	03 – 8891 2078  MARA Call Center: 03 – 2613 2000
Kementerian Belia dan Sukan	Pelajar Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara	03 – 8871 3773 03 – 8871 3434 03 – 8871 3506
Kementerian Pertanian dan Industri Asas	Pelajar Diploma Kemahiran Malaysia	03 – 8870 1663 03 – 8870 1664 03 – 8870 1307
Kementerian Sumber Manusia	Pelajar diploma atau setara termasuk pelajar sepenuh masa SKM4 dan ke atas	03 – 8889 2359 03 – 8886 2409 03 – 8890 3404 03 – 8886 2352 03 – 8888 9111

**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
12 APRIL 2020 | Kemaskini 3.30 petang